



## “Engkau hendaklah sentiasa basahi lidahmu dengan mengingati Allah.”

Daripada ‘Abdullāh bin Busr رضي الله عنه bahawa seorang lelaki berkata: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya syariat-syariat Islam telah banyak bagiku, maka beritahulah kepadaku satu perkara yang boleh aku berpegang teguh padanya.” Baginda bersabda: “Engkau hendaklah sentiasa basahi lidahmu dengan mengingati Allah.”

Seorang lelaki mengadu kepada Nabi ﷺ bahawa amalan-amalan sunat telah banyak sehingga dia tidak mampu melaksanakannya kerana kelemahannya. Kemudian dia meminta Nabi ﷺ menunjukkan kepadanya satu amalan yang ringan tetapi mendatangkan ganjaran besar untuk dia amalkan dan berpegang teguh dengannya. Maka Nabi ﷺ membimbangnya agar lidahnya sentiasa basah dengan berterusan mengingati Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى pada setiap waktu dan keadaan, sama ada dengan tasbih, tahmid, istighfar, doa dan sebagainya.

<https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/4716>

